

04 SEP 1997

Mahathir-saham

J/KUASA KHAS UNTUK TANGANI MANIPULASI RINGGIT, SAHAM

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Satu jawatankuasa khas yang dianggotai tokoh-tokoh korporat tempatan telah ditubuhkan bagi menangani manipulasi ringgit dan pasaran saham negara oleh pengurus dana asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tokoh-tokoh berkenaan telahpun memberikan kerjasama kepada kerajaan dengan mengesyorkan pendekatan yang mungkin dapat diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut, katanya dalam satu wawancara khas dengan RTM menjelang Perhimpunan Agung UMNO, yang dirakam di sini baru-baru ini.

"Tokoh-tokoh korporat memang telah datang kepada saya untuk memberi pandangan dan nasihat dan mengambil bahagian di dalam sebuah jawatankuasa yang kita tubuhkan untuk mengatasi masalah ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan terhadap rakyat tempatan yang "menangguk di air keruh", dengan membantu dana asing membuat jualan singkat sehingga melemahkan sentimen pasaran saham.

Kerajaan tidak perlu mengambil tindakan ke atas sesuatu yang dilakukan sebelum sesuatu itu dilarang, katanya merujuk kepada jualan singkat yang dibenarkan oleh kerajaan sebelum ia diharamkan minggu lepas.

"Ya, sebelum ini memang ada antara mereka yang selalu membuat lindung nilai dan sebagainya. Tetapi sekarang ini ianya telah dilarang dan mereka patuh kepada keputusan tersebut," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai laporan yang menyebut Sultan Brunei, melalui Brunei Investment Agency telah membeli ringgit dan dolar Singapura, bagi menyokong nilai kedua-dua mata wang berkenaan.

"Jika benar kita berterima kasihlah. Sebenarnya saya tak tahu secara rasmi," katanya. -- BERNAMA

AD OS MAI